

Hari Jumaat
24 Disember 1999



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEPULUH

TEN LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG PERTAMA
FIRST SESSION

MESYUARAT YANG PERTAMA
FIRST MEETING

LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KESEPULUH

TEN LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG PERTAMA *FIRST SESSION*

MESYUARAT YANG PERTAMA *SECOND MEETING*

<u>Kandungan</u>	<u>Muka Surat</u>
Perbahasan menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2000 oleh Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim).	3
Perbahasan menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2000 oleh Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Dato' Dr. Toh Kin Woon).	7
Perbahasan menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2000 oleh Ahli Kawasan Bukit Gelugor (YB. Dato' Koay Kar Huah).	8
Perbahasan menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2000 oleh Ahli Kawasan Perai (YB. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy).	14

Perbahasan menggulung Rang Undang-undang 24
Perbekalan 2000 oleh Ahli Kawasan Batu Uban (YB.
Dato' Kee Phaik Cheen).

Perbahasan menggulung Rang Undang-undang 31
Perbekalan 2000 oleh Ahli Kawasan Telok Bahang
(YB. Timbalan Ketua Menteri).

Perbahasan menggulung Rang Undang-undang 37
Perbekalan 2000 oleh Ahli Kawasan Tanjung Bunga
(YAB. Ketua Menteri).

Laporan Persidangan

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KESEPULUH

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat : 24 Disember 1999

*(Tempat: Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang.*

HADIR:

Yang Berhormat Dato' Speaker (Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid) –
Ahli Kawasan Pinang Tunggal.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) – Ahli
Kawasan Tanjung Bunga

Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri (Dato' Dr. Hilmi bin Haji
Yahaya) – Ahli Kawasan Telok Bahang

“ “ Setiausaha Kerajaan Negeri (Dato' Jamaluddin bin Haji
Ahmad Damanhuri)

“ “ Penasihat Undang-undang Negeri (Dato' Alizatul Khair
bt. Osman Khairuddin)

“ “ Pegawai Kewangan Negeri (Dato' Khalid bin Ramli)

“ “ Ahli Kawasan Batu Uban (Dato' Kee Phaik Cheen)

“ “ Ahli Kawasan Perai (Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)

“ “ Ahli Kawasan Sungai Acheh (Dato' Haji Abdul Rashid
bin Abdullah)

“ “ Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Dato' Koay Kar Huah)

“ “ Ahli Kawasan Machang Bubuk (Dato' Dr. Toh Kin
Woon)

“ “ Ahli Kawasan Penaga (Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)

“ “ Ahli Kawasan Kebun Bunga (Dr. Teng Hock Nan)

“ “ Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Puan Jahara bt. Hamid)

“ “ Ahli Kawasan Paya Terubong (Dr. Loh Hock Hun)

“ “ Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dato' Dr. Sak Cheng Lum)

“ “ Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Teng Chang Yeow)

Yang Berhormat	Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)
"	" Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Lee Hack Teik)
"	" Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Lai Chew Hock)
"	" Ahli Kawasan Bertam (Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid)
"	" Ahli Kawasan Jawi (Puan Tan Cheng Liang)
"	" Ahli Kawasan Bukit Tengah (Puan Ng Siew Lai)
"	" Ahli Kawasan Sungai Dua (Encik Jasmin bin Mohamed)
"	" Ahli Kawasan Kampung Kolam (Encik Lim Gim Soon)
"	" Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Looi Swee Cheang)
"	" Ahli Kawasan Sungai Puyu (Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)
"	" Ahli Kawasan Air Itam (Encik Lye Siew Weng)
"	" Ahli Kawasan Berapit (Encik Lau Chiek Tuan)
"	" Ahli Kawasan Permatang Berangan (Encik Abd. Ro'ni bin A. Hasan)
"	" Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Radin Muhamad Amin bin Radin Hj. Hadi Munir)
"	" Ahli Kawasan Datok Keramat (Encik Lim Boo 'Chang)
"	" Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Lim Chien Aun)
"	" Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir) (KEADILAN)
"	" Ahli Kawasan Permatang Pasir (Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) (PAS)
"	" Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Law Heng Kiang) (DAP)

TURU HADIR:

Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Kasim bin Md. Isa)

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

DOA:

Tuan Speaker:

Ahli-ahli yang Berhormat Dewan disambung semula dengan perbahasan. Saya jemput Yang Berhormat Kawasan Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perbahasan ke atas ucapan Belanjawan Y.A.B. Ketua Menteri, Yang Berhormat ADUN Penanti ada mempersoalkan bahawa ucapan Belanjawan yang dibentangkan itu hanya memberi fokus yang kecil dan tidak menggambarkan keseriusan Kerajaan Negeri terhadap pembangunan sektor pertanian. Beliau mencadangkan supaya sektor ini perlu diberi penekanan khusus di samping menggiatkan aktiviti-aktiviti pertanian di mana peruntukan lebih banyak perlu disediakan. Mungkin beliau terpengaruh dalam teks ucapan ini melihatkan yang dibentangkan hanya satu *paragraph* ataupun dengan izin satu perenggan yang terdiri daripada lima baris setengah. Walau bagaimana pun ini adalah tidak benar, janganlah kita menilaikan pada panjang atau pendeknya sesuatu ucapan itu tetapi kita mesti melihat apa yang tersirat dalam ucapan itu. Seperti ulasan saya semasa membahaskan teks ucapan T.Y.T. yang terdahulu, Kerajaan Negeri sememangnya telah sedang dan akan terus menggerakkan sektor pertanian dengan lebih aktif yang tidak hanya tertumpu kepada peranan sidiada para petani tetapi juga melibatkan juga sektor swasta khususnya dalam menjayakan projek-projek pertanian yang bersaiz besar.

Mengenai peruntukan yang disediakan untuk pembangunan sektor pertanian seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa terdapatnya pelbagai jabatan sama ada jabatan-jabatan peringkat negeri mahupun jabatan-jabatan peringkat di persekutuan yang terlibat secara langsung melaksanakan aktiviti-aktiviti pertanian. Di peringkat negeri dua jabatan utama yang menjadi teraju kepada pembangunan pertanian negeri iaitu Jabatan Pertanian Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Varterinar telah berjaya melaksanakan peranan masing-masing dengan baik dan akan diteruskan demi pembangunan sektor pertanian yang lebih positif.

Peruntukan tahunan sektor ini memperlihatkan terdapatnya peningkatan peruntukan pada tahun hadapan iaitu tahun 2000 berbanding dengan tahun 1999. Bagi Belanjawan pembangunan tahun 1999 diperuntukan sebanyak RM2,295,200 tetapi bagi tahun hadapan ianya meningkat kepada RM2,737,000, bagi menguruskannya pula tahun 1999 peruntukannya ialah RM5,399,640 tetapi pada tahun hadapan ianya meningkat kepada RM5,544,890. Jelas menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Selain daripada peruntukan-peruntukan yang disediakan menerusi jabatan-jabatan peringkat negeri, peruntukan dari Kerajaan Pusat juga disalurkan melalui jabatan-jabatan Persekutuan seperti IADP, FAMA, LKIM atau Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Perikanan dan LPP. Sukacita juga dinyatakan di sini bahawa tindakan-tindakan untuk melaksanakan projek-projek bersaiz besar yang melibatkan peruntukan yang banyak hasil usahasama di antara pihak Kerajaan dan pihak swasta juga dilaksanakan seperti perlaksanaan projek Taman Agro-teknologi Juru, Seberang Perai Tengah yang kini di peringkat kajian akhir dan pelabuhan perikanan antarabangsa Batu Maung yang masih di peringkat perbincangan dengan pihak kementerian. Pembangunan kedua-dua projek tersebut memberi konsep *cluster approach* dengan izin pendekatan berkelompok seperti yang disarankan menerusi dasar pertanian negara ketiga kelak akan berupaya merencanakan lagi aktiviti pertanian khususnya aktiviti mempelbagaikan produk pertanian. Kilang-kilang memproses makanan sediada akan lebih besar operasinya di samping mewujudkan kilang-kilang yang berkaitan.

Dato' Speaker, Yang Berhormat Bukit Tengah ada mencadangkan supaya sektor pelancongan *agro tourism* dipergiatkan khususnya di kawasan luarbandar. Sehubungan itu juga beliau mencadangkan supaya perkampungan Juru yang telah memenangi beberapa pertandingan program Bersih dan Indah di peringkat Negeri dan juga Kebangsaan dijadikan sebagai satu lagi destinasi produk berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat aktiviti *agro tourism* yang merupakan produk baru sektor pelancongan telah berjaya menambat hati pelancong dalam negeri dan juga luar negara dan secara langsung berupaya merencanakan lagi industri pelancongan negeri ini. Sehubungan itu Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa meneruskan usaha memperkemaskan dan mempertingkatkan kemudahan infrastruktur pelancongan seperti di Pulau Aman, Kampung Mengkuang Titi dan Ayer Itam Dalam bagi menjamin keselesaan para pengunjung.

Penglibatan aktif masyarakat luarbandar khususnya para petani dan nelayan selain membantu menyegarkan sektor tersebut juga pada masa yang sama mendatangkan sumber pendapatan tambahan yang bermakna kepada mereka contohnya seperti *agro tourism* Pulau Aman, kaum nelayan terlibat secara langsung mengusahakan penginapan *chalet*, pengangkutan dan restoran. Selain destinasi *agro tourism* sedia ada usaha-usaha juga diadakan bagi mengenal pasti destinasi *agro tourism* baru yang bukan sahaja menyediakan pilihan yang lebih banyak kepada pelancong tetapi juga membuka ruang yang lebih luas untuk penglibatan masyarakat luar bandar. Antara destinasi baru yang dikenal pasti ialah Pantai Kamlon Seberang Perai Utara yang mempunyai potensi untuk berkembang maju yang mana pihak PERDA telah diminta memainkan peranan yang aktif sewajarnya untuk membangun kawasan tersebut. Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk menjadikan Perkampungan Juru sebagai satu lagi produk pelancongan *agro tourism* ianya akan diberi pertimbangan yang sewajarnya berdasarkan kepada keperluan dan kesesuaian tempat tersebut. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Dijemput Yang Berhormat Kawasan Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon):

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker saya bangun untuk menjawab beberapa isu yang telah pun dibangkitkan oleh rakan-rakan saya di Dewan Yang Mulia ini dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Yang Berhormat daripada Bayan Lepas telah membangkitkan isu berkenaan dengan perlunya sekurang-kurangnya sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina didirikan di Bayan Baru. Untuk maklumat Yang Berhormat daripada Bayan Lepas perkara ini pada prinsipnya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan pada peringkat Kerajaan Persekutuan justeru kelulusan untuk mendirikan sekolah ini mesti diperolehi terlebih dahulu daripada Kementerian Pendidikan. Sebaik-baik sahaja kelulusan ini didapati maka Kerajaan Negeri sedia membantu Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah ditubuh bagi mengendalikan isu ini mengenal pasti dan memperolehi tanah yang sesuai bagi mendirikan sekolah ini.

Yang Berhormat dari Bukit Tengah telah menyarankan lebih banyak perpustakaan didirikan khasnya perpustakaan desa dengan menggunakan ruang yang terdapat di dewan JKKK, RT dan RA. Saya rasa pendapat ini adalah baik dan memang sedang dibuat oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang. Setakat ini 25 buah Perpustakaan Desa telahpun ditubuh dengan menggunakan dewan JKKK. Adalah menjadi hasrat Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang untuk menggandakan bilangan perpustakaan desa ini atas arahan Y.A.B. Ketua Menteri dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Selain daripada pembinaan perpustakaan desa baru Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang ini memberi kepada setiap Perpustakaan Desa peruntukan RM5,000 setahun untuk memperolehi buku-buku dan bahan bacaan baru dan RM2,000 setahun untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertujuan untuk mempromosikan tabiat membaca di kalangan orangramai khasnya di jenerasi muda. Dato' Speaker, Yang Berhormat dari kawasan Bertam telah membangkitkan isu tentang(gangguan).

Tuan Speaker:

Penjelasan, Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan Perpustakaan Desa saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Yang Berhormat dari Machang Bubuk supaya bila kelulusan telah diberikan kepada permohonan Perpustakaan Desa ini dengan seimbangnyanya untuk kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Saya pernah buat permohonan tetapi sampai hari ini pun belum ada menerima apa jawapan yang baguslah KADUN saya dan saya dapati bahawa ada KADUN yang lain, kadang-kadang dapat sampai dua perpustakaan atau tiga perpustakaan desa. Selain daripada itu juga Yang Berhormat Dato' Speaker, di kawasan ladang orang India dan juga perkampungan Cina, saya haraplah pihak Kerajaan juga mengambil berat berkenaan dengan perpustakaan desa di kawasan itu supaya kita dapat seperti yang mana Yang Berhormat Machang Bubuk katakan, kita dapat memupukkan tabiat untuk membaca di golongan semua rakyat di Negeri Pulau Pinnang. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon):

Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Jawi yang telahpun mengemukakan suatu pendapat yang baik. Memang dalam menentukan di mana harus terletakanya perpustakaan desa yang baru kita ada memberikan pertimbangan kepada keseimbangan bukan sahaja dari segi kawasan tetapi juga dari segi yang latar belakang ethnik penduduk tetapi oleh kerana perpustakaan ini namanya perpustakaan desa maka sudah tentu perpustakaan ini harus terletak di kawasan luar bandar. Dan pada masa kita menentukan di mana harus terletakanya kita memang menitik beratkan akan keseimbangan dari segi pembahagiannya. Memandangkan masalah kekurangan wang ataupun peruntukan jadi meskipun kita mahu menubuhkan seberapa banyak perpustakaan di seberapa banyak kawasan yang boleh tetapi oleh kerana masalah ini kita terpaksa mendirikan perpustakaan desa peringkat demi peringkat tetapi memang adalah menjadi matlamat Perbadanan Perpustakaan Awam untuk mendirikan seberapa banyak perpustakaan yang boleh dan dibeberapa kawasan yang boleh dan kita akan terus memastikan bahawa setiap kawasan desa yang memerlukannya akan mendapat perpustakaan awam ini.

Yang Berhormat daripada Bertam telah membangkitkan isu tentang penternakan khinzir di Kampung Selamat. Yang Berhormat mengadu industri ini masih mencemarkan sistem perairan di sekitar Kampung Selamat dan justeru telah menyusahkan penduduk-penduduk di sekitar. Beliau seterusnya menyarankan industri ini diberhentikan dengan penternak-penternak digalak menceburkan diri dalam industri yang lain ataupun ditempatkan di kawasan yang baru. Seperti apa Yang Berhormat daripada Bertam sedia maklum Kerajaan Negeri amat mengambil berat tentang perlindungan alam sekitar dan tidak akan berkompromi dalam hal ini. Bagi membantu penternak-penternak khinzir menguruskan sisa-sisa yang dikeluarkan dari ladang khinzir dengan cekap dan seterusnya meminimumkan pencemaran maka DENSET dari Denmark telahpun dijemput menjalankan satu *experiment* di Kampung Selamat tentang sistem pengurusan sisa buangan yang paling cekap. Bukan sahaja dari aspek tekniktetapi juga dari segi ekonomi. *Experiment* ini masih belum dihabiskan lagi tetapi keputusan awalnya adalah menggalakkan. Yang dimaksudkan dengan menggalakkan ialah ada harapan piawaian BOD 50 boleh dicapai dengan menggunakan kaedah yang diperkenalkan, cuma kos mengendalikan sistem pengurusan sisa ini masih belum diketahui lagi.

Selain daripada itu SERI telah dijemput menjalankan satu kajian menyeluruh terhadap kedudukan industri khinzir di Pulau Pinang dan seterusnya menyarankan dasar berkenaan masa depan industri khinzir di Pulau Pinang ini. Sekian saja Dato' Speaker, saya memohon untuk menyokong.

Tuan Speaker:

Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi. Saya bangun untuk menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini mengenai portfolio saya dalam perbincangan tentang Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2000.

Yang Berhormat Batu Lanchang membangkitkan soalan mengenai tanah runtuh di Sun Moon City. Dato' Speaker, sebenarnya Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. (ini adalah kumpulan pakar runding Geoteknik) telahpun menyediakan laporan kajian tanah runtuh yang berlaku di Sun Moon City pada 28 November 1998. Laporan ini telahpun dibentangkan kepada Kerajaan Negeri pada 31hb. Mac tahun ini. Laporan kajian ini adalah dianggap sebagai Sulit dan merupakan dokumen rasmi untuk kegunaan dalaman sebagai panduan perancangan dan pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri masih meneliti perakuan-perakuan yang telah dikemukakan oleh pakar runding IKRAM ini. Oleh itu setakat ini Kerajaan Negeri berpendapat laporan berkenaan tidak wajar diumumkan kepada orang ramai. Walau bagaimanapun kerja-kerja *quick fix* dengan izin untuk langkah sementara telah hampir siap dilaksanakan buat masa ini. Kerja-kerja penstabilan cerun untuk jangka masa panjang akan diambil tindakan pada masa hadapan. Kerja-kerja *quick fix* ini adalah seperti pembaikan perparitan, pengaliran air dari bukit, kerja pembersihan *loose boulders* dengan izin pencegahan hakisan telah dijalankan.

Yang Berhormat daripada Bayan Lepas telah membangkitkan Kompleks Kargo MAS yang baru ini di Bayan Lepas akan membawa kesulitan kepada ... (gangguan).

Tuan Speaker:

Penjelasan Batu Lanchang.

Ahli Kawasan Batu Lanchang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Bolehkah Yang Berhormat Bukit Gelugor menjaminkan penduduk-penduduk di kawasan Sun Moon City dengan keselamatan di tempat itu?

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato Koay Kar Huah):

Ya dengan kerja-kerja *quick fix* ini buat masa ini kita bolehlah jaminkan keselamatan untuk penduduk-penduduk di Sun Moon City ini tetapi kerja-kerja untuk jangka masa panjang akan juga dilaksanakan pada masa hadapan.

Yang Berhormat dari Bayan Lepas membangkitkan masalah mengenai kesulitan penduduk-penduduk di sekeliling berdekatan dengan Kompleks Kargo MAS tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini Kompleks Kargo MAS ini telah siap dibina dan sedang menunggu kelulusan O.C. daripada pihak MPPP. Pada masa yang akan datang semasa kompleks kargo ini bermula, beroperasi, kenderaan-kenderaan berat seperti lori-lori kargo akan menggunakan satu *Coastal Highway* dengan izin, baru yang dibina oleh PDC. *Coastal Highway* ini akan berhubung dari Jambatan Pulau Pinang ke kompleks tersebut. Oleh yang demikian kenderaan-kenderaan tersebut tidak akan memasuki ke kawasan perumahan. Untuk makluman Yang Berhormat *Coastal Highway* ini dijangka siap pada akhir bulan ini. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Saya jemput Yang Berhormat Kawasan Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah):

Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Dato' Speaker, saya bangun untuk turut sama menyokong anggara belanjawan yang telah dibentangkan oleh YAB Ketua Menteri tempoh hari dan pada masa yang sama saya mengambil kesempatan untuk memberi penjelasan kepada beberapa persoalan yang telah dibangkit oleh ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang Dewan ini sekali gus saya mengucapkan terima kasih atas penyertaan dan juga teguran, pandangan dan juga cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan portfolio pembangunan perumahan yang telahpun disuarakan oleh beberapa orang sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sanjung tinggi. Saya ucap terima kasih dan seterusnya memberi penjelasan.

Dato' Speaker, berkaitan dengan penyenggaraan rumah-rumah kos rendah, perumahan rakyat, dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu daripada Sungai Dua dan Bayan Lepas membangkitkan isu penyenggaraan rumah-rumah kos rendah yang tidak memuaskan, saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak atas pandangan yang telah diberikan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Sememangnya peruntukan sebanyak RM500,000 untuk penyenggaraan 24 buah projek tidak mencukupi dan insya-Allah pihak Kerajaan akan meneliti di masa yang akan datang untuk menentukan bahawa penyenggaraan rumah-rumah kos rendah yang perlu diselenggarakan oleh Kerajaan yang iaitu kesemuanya 24 projek mempunyai peruntukkan yang memadai supaya kedudukan rumah-rumah kos rendah ini tidak daif dan tidak menimbulkan masalah kepada penghuni-penghuninya.

Dato' Speaker saya juga ingin memperjelaskan secara terperinci persoalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Dua berkaitan rumah kos rendah di Penaga dan juga Taman Melati di Telok Ayer Tawar, sukacita saya maklumkan yang Kerajaan Negeri pada masa ini hanya menyelenggarakan kawasan perumahan yang masih lagi membayar wang penyelenggaraan bulanan sahaja. Bagi kedua-dua projek ini Kerajaan Negeri tidak lagi menyelenggara kerana projek ini telahpun selesai bayaran dan geran telahpun dikeluarkan. Oleh itu permohonan untuk tarikh bolehlah dipohon melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai, JKR ataupun melalui Pejabat Daerah kawasan-kawasan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun saya difahamkan bahawa projek perumahan Taman Melati telahpun ditarik baru-baru ini, sementara Taman di Penaga tidak sesuai untuk ditarikan kerana *level* rumah didapati lebih rendah daripada *level* jalan dan sekiranya jalan ini ditarikan menjadi lebih tinggi adalah memungkinkan masalah yang lebih besar akan terjadi terutamanya berkaitan dengan aliran air dan banjir kilat. Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Dua menyentuh supaya permohonan diberi perhatian begitu juga Y.B. daripada Berapit kita juga memberi perhatian kepada permohonan-permohonan rumah kos rendah. Sukacita saya memaklumkan Dato' Speaker, di dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa permohonan rumah kos rendah yang telah diterima oleh pihak Kerajaan sehingga awal Disember ataupun pertengahan Disember adalah berjumlah 44,510 permohonan dan jumlah daripada 44,510 permohonan ini yang telahpun ditawarkan adalah sebanyak 24,966 permohonan dan ini meninggalkan baki setelah kita tolak 44,510 ditawarkan 24,966 bakinya ialah sebanyak 19,544 lagi, dan Y.B. daripada Sungai Dua juga mencadangkan supaya borang permohonan PN satu dipermudahkan sukacita saya di Dewan Yang Mulia ini hendak memaklumkan Tuan Speaker telahpun, bahawa pihak Kerajaan telahpun menyediakan draf permohonan baru yang mana dari segi item maklumat yang diperlukan telahpun dikurangkan daripada 40 item yang diperlukan dalam borang lama kepada 30 *item* sahaja dan seterusnya dari segi maklumat tanggungan setiap tanggungan lima maklumat yang diperlukan kini telah menjadi 5 yang diperlukan daripada yang lama 7 maklumat tanggungan jadi kita dapati borang yang baru ini telahpun dipermudahkan kita harap ianya dapat membantu dan insya-Alah kita akan bincangkan perlaksanaannya melalui tahun 2000.

Dato' Speaker, seterusnya saya ingin menjelaskan persoalan yang telah dibangkitkan daripada Y.B. daripada Batu Lanchang. Y.B. daripada Batu Lanchang membangkitkan masalah projek terbengkalai yang dikatakan melebihi 14 memang diakui sejak kegawatan ekonomi sejak tahun 1997 dan awal 98 sebenarnya sebanyak 22 projek didapati tidak dapat bergerak. Daripada 22 projek ini setelah dibuat pemantauan oleh Bahagian Perumahan pejabat SUK, 8 projek telah dikeluarkan daripada senarai kerana didapati projek-projek yang belum dimulakan 4 buah projek memang tidak bermula dan seterusnya pihak pemaju sengaja menangguhkan pelaksanaan projek iaitu 3 buah projek oleh sebab pihak pemaju mendapati tidak ada keupayaan bagi projek ini hidup oleh sebab jualan tidak laku dan juga masalah pemasaran masih tidak lagi dapat diselesaikan, jadi pihak pemaju telah membuat keputusan sendiri untuk tidak melaksanakan 3 projek dan satu lagi projek pada masa itu telah dapat dihidupkan dengan sendirinya dan inilah

yang meninggalkan 14 buah projek yang telah terbengkalai pada awal tahun 99 dan pihak Kerajaan telah mengadakan konsep *hands on* dan mengenal pasti Ahli-ahli Yang Berhormat dalam kawasan itu untuk mengambil perhatian dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan dan dilaporkan dalam mesyuarat MMK setiap minggu supaya projek-projek ini dapat dibantu untuk digerakkan, itu sebabnya daripada 14 buah projek yang telah terbengkalai daripada projek itu telah dapat diselesaikan boleh kata keseluruhannya untuk bergerak. Saya juga hendak mengucapkan terima kasih banyak kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat, termasuk Ahli Yang Berhormat yang duduk dalam pentadbiran Kerajaan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak duduk dalam Kerajaan yang telah membantu mengerakkan kebanyakan projek, dan Alhamdulillah kita harap dalam tahun 2000 kebanyakan projek-projek ini dapat digerakkan lebih laju lagi daripada gerakan yang sebagainya yang masih lagi perlahan pada masa ini.

Tuan Speaker:

Ya penjelasan, Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Bolehkan menjelaskan lagi projek Taman Cemerlang dan Projek Taman Hijau di Paya Terubong yang terbengkalai sebab sudah sangkut banyak rumah kos rendah sederhana rendah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid b. Abdullah):

Dato' Speaker, saya ada senarai sini, semua ada senarai, tetapi yang saya dapat ingat Taman Hijau kita telahpun memberikan kepada Y.B. Paya Terubong untuk *monitor* dan memantau projek ini dan insya-Allah projek ini akan dapat kita gerakan dengan lebih sempurna lagi apabila ianya akan dibantu oleh kalau tidak salah saya oleh Yang Berhormat daripada Padang Kota dan juga Yang Berhormat Pengkalan Kota insya-Allah dan satu lagi Yang Berhormat, Taman Cemerlang, saya tidak dapat jumpa lagi Taman Cemerlang pemaju ialah Penangan Maju Sdn. Bhd. Projek ini memohon bantuan daripada Kementerian Perumahan untuk menyelesaikan masalah ini pembeli-pembeli telahpun dikenalpasti dalam rekod kita, kita sedang berusaha untuk mengenalpasti pemaju untuk gerakan projek ini dengan lebih teratur lagi.

Tuan Speaker:

Minta penjelasan Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Sebab di jawapan saya, saya ada satu soalan mengenai projek itu tetapi jawapan tadi di kawasan Sungai Acheh yang sebut itu MBSB saya tidak faham, MBSB dari mana ini ada itu tindakan yang baik.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid b. Abdullah):

MBSB, Dato' Speaker, ialah *Malaysian Building Society Bhd.* Dan ini adalah satu cara yang terbaik yang telahpun saya kira telahpun di sarankan ataupun cadangkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan MBSB adalah satu badan yang cukup kukuh untuk membolehkan projek ini dilaksanakan. Insya-Allah. Jadi, Dato' Speaker, saya teruskan satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Y.B. daripada Batu Lanchang yang meminta supaya diadakan.

Tuan Speaker:

Penjelasan, Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Loi Swee Cheang):

Tadi saya dengar 14 projek perumahan yang terbengkalai akan diselesaikan itukah betulkah jawapan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid b. Abdullah):

Dato' Speaker, projek yang diiktiraf sebagai terbengkalai pada masa ini ialah 14 buah projek dan boleh dikatakan kebanyakan projek ini telahpun mula digerakkan, ada setengah perlahan, ada setengah laju dan kita harapkan kesemua 14 ini dapat digerakkan. Sekarang ini telah digerakkan dan kita harap pada tahun 2000 kesemua 14 akan dapat berjalan dengan lancar.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Siew Cheang):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid b. Abdullah)

Sama-samalah, Dato Speaker, persoalan yang terakhir ialah tentang cadangan untuk menubuhkan. Satu, Yang Berhormat daripada Batu Lanchang cadangkan supaya menubuhkan satu tabung bagi membantu projek-projek yang terbengkalai, sukacita pihak Kerajaan memaklumkan bahawa sejak daripada tahun 90-an satu tabung untuk projek-projek terbengkalai telahpun diwujudkan di bawah Bank Negara Malaysia, di bawah atas nama Tabung Pemulihan Perumahan Terbengkalai, TPPT sebagai agensi pelaksanaanya. TPPT telahpun diberikan dana awal berjumlah RM300 juta bagi membantu projek-projek terbengkalai tetapi setelah beberapa tahun perjalanan TPPT telahpun terberhenti dan akhirnya TPPT menggorak langkah dan konsep yang baru dan tabung terbengkalai tabung Pemulihan Terbengkalai ini telahpun tidak diteruskan. Oleh hal yang demikian, tabung ini telahpun ditarik balik daripada tahun 1992 dan pada tahun 1998, Kerajaan Negeri secara spesifik telahpun memohon kepada Menteri Kewangan supaya tabung ini dihidupkan semula dan setakat ini permohonan kita belum mendapat jawapan daripada Kerajaan Persekutuan dan saya kira memang ada cara-cara lain di bawah Bank Negara dan juga institusi-institusi kewangan lain yang dipantau oleh Kementerian Kewangan bagi membantu kebanyakan projek-projek yang terbengkalai, termasuklah yang dikata MBSB termasuk beberapa lagi agensi dan badan-badan yang bertanggungjawab dan mempunyai kewangan yang kukuh bagi melaksanakan membantu pelaksanaan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Jadi Dato' Speaker, saya dengan itu mengucapkan terima kasih, atas semua penyertaan Ahli-ahli Berhormat dan saya sudahi dengan turut menyokong Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tempoh hari. Terima kasih.

Tuan Speaker:

Terima kasih, saya jemput Yang Berhormat, Ahli Kawasan Perai.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Dato' Speaker, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada isu-isu di bawah portfolio Kebajikan semasa membahaskan ucapan Rang Undang-undang Pembekalan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, berkenaan dengan isu yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat daripada Penanti, Sungai Dua, Jawi berkenaan dengan gejala sosial. Pihak Kerajaan Negeri memandang berat masalah gejala sosial ini. Satu jawatankuasa induk menangani gejala sosial peringkat Negeri Pulau Pinang telah dibentuk dan di Pengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri, dan Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh beberapa ADUN dan berbagai Jabatan Kerajaan, NGO, seperti, Polis, LPPKN, Pejabat Daerah, Agensi Dadah dan Jabatan Perpaduan, PDC dan sebagainya. Di bawah Jawatankuasa Induk tersebut terdapat 6 jawatankuasa kecil atau jawatankuasa bertindak iaitu:-

- 1) Jawatankuasa Bertindak Mengimarahkan Masjid dan Rumah-rumah Ibadat,
- 2) Jawatankuasa Bertindak Institusi Pendidikan,
- 3) Jawatankuasa Bertindak Peringkat Daerah-daerah,
- 4) Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Keluarga,
- 5) Jawatankuasa Bertindak Sektor Perindustrian dan juga Jawatankuasa *Think Tank*, Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut berfungsi dengan menumpukan kepada masalah-masalah yang dihadapi mengikut bidang masing-masing. Selain daripada itu pihak Kerajaan Negeri juga telah meminda Enakmen hiburan dan tempat-tempat hiburan.

Di dalam Enakmen yang baru dipinda terdapat 3 perkara yang diberi penekanan iaitu:-

- 1) Syarat-syarat untuk membolehkan lesen hiburan diperketatkan lagi;
- 2) Dua pihak berkuasa yang berkenaan diberi dua kuasa untuk meningkatkan dan mengetatkan lagi penguatkuasaan.
- 3) Kadar denda telah dinaikkan lagi.

Dengan langkah-langkah ini dan kerjasama oleh semua lapisan masyarakat kita harap masalah gejala sosial boleh dikurangkan. Berkenaan dengan bantuan daripada Jabatan Kebajikan yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Sungai Dua. Bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam merangkumi berbagai perkhidmatan bukan semata-mata bantuan kewangan bulanan, pihak Jabatan Kebajikan juga memperuntukkan sejumlah wang untuk bantuan yang dikenali sebagai bantuan pelanjaran atau dengan izin *launching grant*. Bantuan ini berupa bantuan modal untuk memulakan sesuatu projek ekonomi seperti perniagaan kecil, jahitan atau ternakan dengan bantuan modal permulaan ini akan membantu penerima-penerima bantuan ke arah hidup berdikari. Bantuan kewangan bulanan akan diberhentikan apabila penerima bantuan yang dibantu melalui skim bantuan pelancaran ini dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Tuan Speaker:

Penjelasan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed):

Berkenaan dengan bantuan pelancaran ini, bantuan modal berupa banyak selalunya diberi kepada mereka yang hendak mula sesuatu projek.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Maksimumnya ialah RM2,000 sekali. Bantuan kewangan bulanan akan diberhentikan apabila penerima bantuan yang dibantu melalui skim bantuan pelancaran ini dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka. Bantuan kewangan kepada NGO khususnya yang berkonsepkan kebajikan pada masa ini diberikan peruntukan persekutuan sahaja. Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sejumlah peruntukan kewangan dalam bentuk geran tahunan pertubuhan sukarela. Pada tahun ini Kementerian telah meluluskan sebanyak RM1,070,653, kepada 21 NGO di Negeri Pulau Pinang. Berkenaan dengan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Jawi berkenaan dengan Taman Asuhan kanak-kanak, pusat bimbingan dan juga perkhidmatan kaunseling, pada masa ini terdapat sebanyak 91 pusat asuhan kanak-kanak yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pusat-pusat ini dikendalikan oleh pihak swasta dengan diselia oleh Pegawai-pegawai Berkuasa Taska iaitu Pegawai Kebajikan Masyarakat. Aspek penyeliaan adalah merangkumi cara penjagaan keselamatan. Aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan peringkat umur, menu dan keadaan bangunan lain-lain aspek berkaitan kebajikan kanak-kanak. Semua pusat asuhan kanak-kanak ini mestilah didaftarkan mengikut peruntukan akta taman asuhan kanak-kanak 1984. Untuk melincinkan perjalanan pusat-pusat ini semua aktiviti mestilah menepati peraturan-peraturan taman asuhan kanak-kanak 1995.

Berkenaan dengan pusat bimbingan, pada masa ini terdapat 8 buah pusat di seluruh negeri yang dikendali oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikenali sebagai pusat aktiviti-aktiviti kanak-kanak. Penubuhan pusat aktiviti-aktiviti kanak-kanak ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 12 Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991. Pusat ini diwujudkan untuk menempatkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun mengisi waktu lapang mereka dibawah penyeliaan Penyelia dan dibantu oleh beberapa pekerja sukarela. Antara aktiviti yang dijalankan oleh pusat ini ialah *class tuition*, kelas kebudayaan, permainan dalam dan latihan mempertahankan diri dan kraf tangan.

Perkhidmatan Kaunseling ini pada masa sekarang boleh didapati disemua Pejabat Kebajikan Daerah, Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat telah diberi latihan kursus dibidang ini untuk memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasaran yang bermasalah seperti golongan remaja, pasangan suami isteri yang mengalami masalah rumah tangga golongan kurang upaya dan sebagainya. Selain daripada perkhidmatan yang disediakan oleh agensi Kerajaan terdapat beberapa pertubuhan NGO di Pulau Pinang ini yang menawarkan perkhidmatan khidmat nasihat dan kaunseling kepada golongan yang memerlukan bantuan antaranya ialah Pusat Khidmat Wanita di bawah HAWA, Pusat Krisis Wanita, *Befriends* dan lain-lain. Majlis Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang sebagai penaung kepada semua pertubuhan sukarela sering menganjurkan beberapa siri kursus atau kaunseling kepada pekerja-pekerja sukarela dipelbagai pertubuhan NGO untuk melengkapkan dan memahirkan diri mereka dengan peraturan asas kaunseling agar mereka dapat memberi perkhidmatan yang bersangkutan kepada kumpulan-kumpulan sasaran. Sekian, sahaja. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Penjelasan.

Tuan Speaker:

Penjelasan, daripada Y.B. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa gembira bahawa pihak Jabatan Kebajikan ada tubuhkan pusat bimbingan, 8 pusat bimbingan di seluruh Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah gejala sosial khususnya di golongan belia dan ingin saya tahu di sini sama ada 8 pusat bimbingan itu di bina dan diletak di mana? Daripada pengetahuan saya di Seberang Perai Selatan memang saya tidak nampak, kemungkinan ada saya tidak tahu, jadi saya ingin tahu dan lagi satu soalan ialah berkenaan dengan pusat kaunseling walaupun Jabatan, Pejabat Kebajikan ada memberi kaunseling tetapi waktu kaunseling ini waktu pejabat mereka, jadi bila penduduk atau rakyat yang ada masalah kemungkinan mereka juga pada waktu pejabat mereka juga bekerja dan kadang-kadang bila waktu malam bila mereka hendak cari kaunseling mereka khasnya kalau mereka ada pergaduhan pada waktu malam hendak cari siapa untuk keluaran perasaan mereka jadi kadang-kadang pada waktu malam itu yang senyap sunyi masa yang panjang pada waktu malam, yang susah sekali hendak lepas, hendak *spend the night* kita dapati sampai ke satu tahap yang tidak boleh tahan sakit jiwa dia pergi bunuh diri, lompat dalam sungai pun ada, lompat dari jambatan pun ada. Kerajaan juga ada cadangan untuk mengadakan kaunseling pada waktu malam.

Soalan yang ke tiga, tadi Yang Berhormat daripada Perai ada menyentuh berkenaan dengan jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh pihak Kerajaan untuk menagani gejala sosial ada satu *measuring yard, you now* kaedah macam mana kita tahu bahawa langkah-langkah yang telah atau aktiviti yang telah di bawah jawatankuasa ini telah menunjukkan keberkesanan pada masa ini, kerana saya juga ada di bawah jawatankuasa ini, kerana saya dapati kadang-kadang kita ada rancang aktiviti tetapi di beritahu bahawa peruntukan tidak cukup. Jadi kita tidak dapat hendak jalankan aktiviti yang seperti mana dirancangkan dan lagi satu masalah yang sering kita hadapi ialah masalah seperti yang saya bangkitkan dalam ucapan

saya. Bila kita jalankan aktiviti belia yang ada masalah atau ibu bapa yang ada masalah atau pihak-pihak mana yang ada masalah itu mereka tidak hadir aktiviti kita, saya rasa pihak Kerajaan ada satu *measuring yard* ada satu statistik sebelum menjalankan aktiviti kita memang ada masalah, selepas jalankan aktiviti di dapati bahawa daripada statistik yang kita kumpul daripada sasaran itu kita dapati telah menolong mengatasi masalah gejala sosial. Itu penjelasan yang saya minta.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Dato' Speaker, berkenaan dengan soalan pertama, Pusat Bimbingan, masa sekarang saya tidak ada senarai di mana 8 pusat asuhan ini ada dan saya akan berikan jawapan secara bertulis. Untuk kaunseling, masa sekarang Jabatan Kerajaan tidak ada untuk buat kaunseling lepas masa kerja yang dijadualkan tetapi ada juga beberapa NGO yang beri kaunseling lepas jam ini dan saya anggap dengan izin, *as a last resort* golongan-golongan sasaran yang menghadapi masalah ini pergi ke hospital atau ke Jabatan Polis, di sana juga ada Jabatan Kaunseling dan Polis pun boleh bantu dan boleh cari wakil rakyat di kawasan berkenaan...(ketawa).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Penjelasan, Yang Berhormat Dato' Speaker, masih boleh ingatkah bila saya bangkitkan berkenaan dengan kaunseling saya memang telah sebut dalam Dewan Yang Mulai ini bahawa saya pernah kaunseling sampai pukul 12.00 di rumah saya jadi Yang Berhormat, Dato' Speaker inipun tanggungjawab Yang Berhormatkan. Y.B. Dato' Speaker, pernah tanya saya jadi *last* sekarang, Yang Berhormat daripada Perai telah minta saya jadi kaunselor pula pula, saya rasa memang kalau kita boleh tolong kita mahu tolonglah. Tetapi setakat mana yang kita mampu tengok Yang Berhormat daripada *backbencher* ini memang kerja beban yang berat, tanggungjawab yang berat, sampai pasangan suami isteri yang bergaduh pun cari kita, kadang-kadang anjing dengan kucing bergaduh cari kita, bukan senang. Jadi saya rasa kita kalau kata hendak pergi cari Polis, saya pernah ada pasangan yang pergi cari Polis, tetapi Polis cakap kita tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal pergaduhan suami isteri, kalau sekiranya ia dipukul, itu kemungkinan kita boleh ambil tindakan, ini ada yang kata balikkah selesai sendiri, bukan semua yang mahu ambil tanggungjawab.

Oleh itu saya minta supaya pihak Kerajaan kerana kita betul-betul serius untuk mengatasi masalah ini kita kena ambil langkah-langkah dan rancangan yang lebih teliti. Kalau tidak ada kita lima tahun akan lepas dengan cepat dan di dalam Dewan kita akan bangkitkan masalah ini dan kita akan terima jawapan yang selalunya akan ditimbang, kita akan buat cadangan, kita akan buat rancangan, kita minta supaya ada satu jawapan yang lebih tepat, yang bila kita dengar itu boleh menolong rakyat diseluruh Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Dato' Speaker, Jabatan Kebajikan Masyarakat memang sentiasa menolong masyarakat selalunya, walau bagaimanapun berkenaan dengan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli daripada Jawi saya ambil perhatian... (ketawa). Sekian, sahaja, Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Lagi soalan yang ke tiga.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Soalan yang ke tiga kesan langkah-langkah yang telah diambil oleh Jawatankuasa Bertindak gejala kaunseling ini. Kita boleh tahu apabila kita terima report daripada semua jabatan-jabatan dan juga Polis berkenaan masalah-masalah gejala sosial iaitu kes-kes beberapa kes-kes berkenaan rogol ataupun kes-kes buang bayi dan sebagainya, apabila kita tahu angka-angka ini kita boleh tahu apa-apa kita tahu langkah yang boleh kita ambil oleh jawatankuasa ini ada tidak memberi kesan. Sekian.

Tuan Speaker:

Ada lagi yang minta penjelasan. Y.B. daripada Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Saya tertarik dengan jawapan yang di beri oleh Y.B. daripada Perai bahawa Kerajaan sudah ada unit bimbingan tetapi malangnya untuk masa pejabat sahaja, tetapi beliau juga kata beberapa badan-badan sukarela yang memberi seperti *Befriends*, *Women Crisis*, tetapi saya harap YB Perai boleh menambahkan satu.

Ada satu yang unit, yang disediakan oleh Parti Gerakan di luar pejabat, luar masa pejabat iaitu dari jam 3.00 petang hingga 7.00 malam pada hari Sabtu dan hari Ahad 11.00 pagi hingga pulul 7.00 malam dengan dianggotai oleh 30/40 guru kounseling di seluruh Pulau dan Seberang Perai dan kita akan membuka satu center lagi di Bukit Mertajam untuk semua rakyat dan saya juga memberi bimbingan konseling juga. Saya terima dari Polis, orang ramai berjumpa Polis, Polis arah berjumpa dengan Mr. Looi, saya menerima banyak aduan dan juga memberi pertolongan, rujuk kepada kita. Saya rasa mungkin sekiranya YB daripada Jawi, sekiranya ada kes-kes kalau tidak mampu bolehlah merujuk kepada saya. Saya boleh tolong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheang Liang):

Ini penjelasan daripada YB Perai, ataupun menjawab untuk Y.B. Perai...(ketawa).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Tidak mengapa...dimana hendak pergi pun tidak mengapa.

Tuan Speaker:

Kena masuk Gerakankh?... (ketawa)

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Kita MCA pun ada pusat kaunseling, saya sendiri mempunyai pusat sehingga pukul 12.00 malam, selepas itu kita ada menubuhkan juga pusat kaunseling tetapi itu yang saya katakan, kita minta supaya pihak Kerajaan memainkan peranan sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sekiranya mengharapkan pihak NGO, ianya bukan ada banyak sumbangan pendapatan, jadi ini yang saya sentuh, supaya Kerajaan Negeri mengambil tanggungjawab yang lebih berat untuk menolong. Sekiranya hendak menyerahkan kepada NGO dan harus memberi banyak peruntukan kepada NGO untuk menjalankan aktiviti kounseling ini. Sekian terima kasih.

Tuan Speaker:

Ada penjelasan lagi, boleh beri jalan Y.B. dari Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Y.B. Dato' Speaker, dan juga Y.B. Kawasan Perai. Saya masih tidak berpuas hati sekiranya mengatakan bahawa Enakmen ini dipinda untuk mengawal lebih ketat lagi mengenai dengan gejala sosial. Apa yang kita mahu ialah tindakan dan penguasaan, jadi saya rasa Y.B. Kawasan Perai pun mengetahui bagaimana gejala sosial yang banyak di kawasan Perai sendiri. Saya tidak tahu, sekiranya Y.B. Ahli Kawasan Perai tidak mengetahuinya berlaku di Perai. Jadi saya ingin tahu, sekiranya tidak boleh memberi jawapan sekarang ini tidak mengapa, beri jawapan secara bertulis iaitu sejak Enakmen ini diperketatkan, gejala sosial berapakah kes-kes pusat hiburan ditutup pun diambil tindakan disebabkan melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan sejak Enakmen ini dipinda. Seterusnya seperti yang dikatakan oleh Y.B. Sungai Pinang, Gerakan membuka pusat di kawasan, Kawasan Jawi pun membuka pusat, buka pusat sampai pukul berapa?, dua belas, *You* buka pusat sampai pukul berapa?, dua belas?... (ketawa).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Kalau peribadi dua belas itu, dua puluh empat jam.... (ketawa), sebagai Yang Berhormat. 24 jam, jadi Yang Berhormat mana mempunyai masa, kita punya masa adalah masa untuk rakyat itu wakil rakyat.

Tuan Speaker:

Apa itu pusat peribadi?... (ketawa), Y.B. dari Jawi, apa pusat peribadi?

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Dia tanya kepada saya, sama ada pusat kaunseling saya buka sampai pukul 12.00... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Pusat Kaunseling. Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Saya kata, saya menjadi kaunseling peribadi 24 jam.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Bukan pusat peribadi, pusat kaunseling...(ketawa).

Tuan Speaker:

Pusat Kaunseling Peribadi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Pusat Kaunseling. Kaunseling Peribadi.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Kita juga Parti Keadilan, walaupun parti yang baru ditubuhkan kita juga sedang berusaha untuk membuka satu pusat di Permatang Pauh. Bagi mengawal keadaan-keadaan gejala pekerja-pekerja perindustrian ataupun pekerja-pekerja kilang dan sebagainya. Jadi saya rasa Y.B. Kawasan Perai, tidak pasti sama ada MIC pun ada juga pusat dan saya percaya pun mempunyai pusat, saya ingat MIC mempunyai pusat yang lebih besar lagi.....(ketawa), daripada semua lain-lain pusat. Jadi saya kira.

Tuan Speaker:

Saya takut semua orang buka pusat,....(ketawa), tiada orang hendak pergi melihat, tidak ada orang hendak pergi lihat kerana semua buka.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Jadi Y.B. Dato' Speaker saya percaya Ahli Kawasan Perai akan memberi jawapan kepada saya, walaupun tidak sekarang berilah secara bertulis. Terima kasih.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Dato' Speaker saya faham bermacam-macam pusat ada....(ketawa) masa sekarang, untuk memberi keterangan daripada Ahli Kawasan Penanti. Saya akan memberikan angkah pusat hiburan yang telah ditutup selepas Enakmen ini, selepas Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Saya jemput Y.B. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Terima kasih Dato' Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam pengulungan perbahasan belanjawan. Dato' Speaker saya ingin menjelaskan perkara berkenaan dengan jejantas di City Bank yang telah dibangkitkan oleh Ahli kawasan Datok Keramat.

Nampaknya Ahli Kawasan Datok Keramat telah memberikan maklumat yang tidak lengkap dan mereka memberi gambaran yang salah kepada Dewan Yang Mulia ini berkenaan perkara ini. Jejantas City Bank pada pendapat saya sebagai seorang Ahli EXCO masih tidak berciri warisan, tidak begitu sesuai untuk golongan yang cacat ataupun golongan beredar dengan izinnya *senior citizen*. Reka bentuk kupu-kupunya ditengah-tengah bangunan-bangunan warisan seperti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Wellesley, Wisma Pahlawan dahulunya dikenali sebagai Hotel Reanimate, Bangunan Sekolah Chee Chong dahulunya dikenali sebagai *Hotel Raffles By The Sea* dan sebagainya adalah lebih bersesuaian untuk kawasan-kawasan berdekatan dengan lebuh raya-lebuh raya.

Apa yang saya mempertikaikan adalah dari sudut reka bentuk, saya tidak pernah berkata bahawa ini tidak perlu berada di Jalan Sultan Ahmad Shah dan dipindahkan ke kawasan saya. Ini hanyalah merupakan khayalan Ahli Kawasan Datok Keramat untuk sebuah jejantas yang berharga RM2 juta. Jejantas City Bank tidak mempunyai *escalator* atau lif untuk golongan *senior citizen* dan untuk golongan yang cacat. Di negara-negara seperti Belanda, kemudahan-kemudahan asas untuk golongan-golongan seperti yang telah saya nyatakan tadi telah diadakan, ini adalah kemudahan *basic*.

Dato' Speaker surat saya kepada *President City Bank* di Ibu Pejabat New York. Ada ditulis sebagai rayuan terakhir atau *last resort* untuk menjadikan jejantas ini lebih berciri warisan sesuai untuk orang yang cacat dan yang beredar, ianya telah ditulis selepas Memorandum Persefahaman atau dengan izinnya *memorandum of understanding* ditandatangani diantara pihak City Bank dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Saya mengakui oleh kerana saya tahu atas perkara ini selepas MOU itu telah ditandatangani.

Secara kebetulan saya telah dinasihatkan oleh abang ipar saya yang pernah menjawat jawatan Timbalan *President City Bank* di Ibu Pejabat New York bahawa dalam hal-hal seperti ini, rayuan terakhir perlu dibuat kepada *President City Bank* di New York sahaja yang mempunyai kuasa untuk menukar keputusan tersebut.

Dato' Speaker, malangnya rayuan saya ini tidak berjaya oleh kerana telah terlambat akibat upacara tandatangan MOU itu yang telah dibuat dan pihak City Bank dan kontraktornya telah membeli bahan-bahan pembinaan itu. Saya meminta maaf kepada golongan cacat dan golongan yang beredar Pulau Pinang dan juga golongan berprihatin kepada ciri-ciri warisan di Georgetown Pulau Pinang kerana telah gagal dalam rayuan saya, namun tidak kira ataupun yang difikir atau sukar difikir oleh Ahli Kawasan Datok Keramat saya hanya boleh menyatakan kepada rakyat Pulau Pinang bahawa saya telah cuba sedaya upaya saya sebagai seorang Ahli EXCO dan saya akan meneruskan untuk menggunakan kedudukan saya sebagai Wakil Rakyat untuk menyuarakan keperluan-keperluan dan aspirasi-aspirasi rakyat Pulau Pinang tidak kira mereka tua atau cacat, tidak kira mereka ahli korporat ataupun tidak.

Saya tidak berharap sangat, orang yang kekurangan nilai astatik dan tidak mempunyai hati yang penyayang untuk memahami sebabnya rayuan ini dibuat. Saya tidak berharap sangat, orang yang begitu berasa takjub bila masa badan korporat menghadihkan sesuatu itu untuk memahami sebabnya rayuan ini dibuat. Saya masih berpegang kepada harapan bahawa satu hari nanti pihak City Bank akan cuba untuk memasang sekurang-kurangnya satu *escalator* atau lif di jenjatas ini untuk faedah golongan yang cacat dan golongan *senior citizen* kita di Pulau Pinang.

Tuan Speaker:

Penjelasan Ahli Kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Dato' Speaker, saya tahu Y.B. dari Batu Uban amatlah berkuasa sampai Ketua Menteri pun terkejut. Oleh sebab ada beberapa mesyuarat yang saya hadiri bersama-sama dengan beliau dan Yang Amat Berhormat, dia pun barang kali mengeluarkan perkataan seperti ini dengan izin "*if CM doesn't listen to me, I will strangle him to death*" Kalau Ketua Menteri tidak mendengar kepada saya, saya akan mencekik sehingga dia mati....(ketawa) Ini bukit ada orang ramai pun berpengalaman dia punya *behavior*. Oleh sebab ini saya katakan ada barang CM di dalam tangannya. Barang CM ada di tangan dia....(ketawa).

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Barang apa itu?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Barang, saya pun tidak tahu....(ketawa), barang, hatikah ataupun jantungkah, saya pun tidak tahu, masa depan CMkah, saya tidak tahu dalam tangannya.

Dato' Speaker, soalan saya ialah soalan yang penting oleh kerana dalam perlembagaan negeri Pulau Pinang ini kalau kita baca seksyen 7 (3) Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah bersama bertanggungjawab kepada siapa? Kepada Dewan Negeri. Satu projek orang ramai walaupun di

tanggung kos pembinaannya oleh satu korporat iaitu City Bank Bhd. yang diluluskan oleh *Council* pada masa itu Yang DiPertua ialah Y.B. dari Kebun Bunga, mengapa pada masa itu pun ada Ahli EXCO yang bertanggungjawab untuk Kerajaan Tempatan iaitu CM sendiri yang akan di cekik sampai mati pun boleh, tetapi mengapa Ahli Kawasan Batu Uban tidak menggunakan saluran yang betul iaitu bincang, cekik atau apa pun boleh di mesyuarat Ahli EXCO, cekik sampai mati pun boleh, mengapa tidak bincang dengan saudaranya YDP Dato' Dr. Teng, sebagai YDP dan melalui partinya sampai Jawatankuasa Pusat atau CWC pun boleh, mengapa?.....mengapa?, Ini menyalah gunakan kuasa seseorang EXCO, ini satu tindakan yang sangat *serious* dan salah dari segi undang-undang.

Oleh sebab ini, saya ingat jangan marahkan kepada sesiapa yang mempertikaikan dan membawa isu itu kepada Dewan, oleh sebab bapa saya Datuk Lim Yee Yong sebagai Ahli Parti Gerakan, telah membawa isu ini di Hotel Equatorial pada masa Presiden dan Timbalan Presiden ada menghadiri tetapi dia *he was shouted back, without and answer, I am great a list*, saya sangat berpuas hati, hari ini sudah keluar, dia betul-betul menulis satu surat kepada bukan *Vice President*, Presiden of Public Bank di USA dengan apa, dengan nasihat mengatakan dia kata, dia *blame* orang lain, dengan nasihat *Vice President bank* itu, dia mesti membuat rayuan.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat, tolong ringkaskan dan tetap kepada masalah sebab banyak cerita Gerakan keluar di sini. Jadi Yang Berhormat tahu banyak dan tolong selesaikan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Bukan satu sebab saya keluar dari parti Gerakan, tidak bersikap demokratik, itu dia hendak cekik sampai orang mati.

Tuan Speaker:

Penjelasannya tadi apa yang hendak.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasannya kalau ini keputusan EXCO, CM tidak perlu pergi untuk membuat perasmian, ini bukan keputusan EXCO, dia kata berminat kepada seorang Ahli EXCO. Ahli EXCO mesti bertanggungjawab bersama-sama dengan semua kepada Dewan ini, semua 33 ADUN di dalam Dewan Yang Mulia ini. Oleh itu saya minta CM ada di sini ambil isu ini balik ke Mesyuarat Kerajaan Negeri *post mortem* iaitu mempertimbangkan adakah ini satu kesalahan, kalau ada apakah tindakan yang dibuat?, dispilinkah, atau *sackkah* atau *worningkah* mesti dibuat. *He can't get away is with murder* dengan izin tidak boleh sesiapa pun tidak boleh *get away with murder*. Saya ingin menjadikan satu contoh.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, ini adalah satu penjelasan ataupun tuduhan ataupun niat yang tidak baik atau apa?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Dato' Speaker, saya ringkaskan dan saya sudah cakap, cukuplah dan saya tertakluk kepada budi bicara di CM untuk membawa isu ini kepada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, apa yang dibuat oleh Ahli EXCO di Kerajaan Negeri ialah bukan untuk sendiri, ini untuk orang awam, untuk badan-badan golongan cacat, golongan tua, tetapi tiap-tiap surat yang telah dituliskan diberikan salinan kepada Ketua Menteri kepada YDP, selepas saya telah diberitahu oleh surat khabar, reka bentuk dan juga projek ini, saya pun berbincang dengan YDP tetapi apa yang dikatakan oleh YDP pada masa itu Yang DiPertua Negeri pada masa itu ialah MOU telahpun ditandatangani dan dari peringkat sana mereka tidak boleh berbuat apa-apa, kerana MOU telah ditandatangani dan salah satu laluan lagi ialah untuk menghubungi dengan City Bank dan ini saya telah menyatakan, saya tulis kepada President City Bank, malah Naib President, saya dinasihatkan oleh bekas Naib President tetapi saya ingat Ahli Kawasan Bayan Lepas dia tidak dengar, saya tulis kepada President City Bank.

Tuan Speaker:

Bukan Bayan Lepas, tetapi Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasan....(gangguan).

Tuan Speaker:

Penjelasan, Ahli kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

No...No....Dato' Speaker, saya hendak memberi penjelasan dengan teliti. Oleh kerana itu saya tidak beri jalan lagi, ini ialah satu langkah yang diambil, kalau kita membuat surat tersebut secara terbuka kepada Ketua Menteri, YDP, City Bank. Ini ialah satu rayuan terakhir, *last resort* untuk golongan orang cacat, untuk golongan orang yang beredar dan juga kepada badan warisan yang mempunyai tarikan. Ini ialah satu rayuan, rayuan terakhir, kalau boleh berjaya, maka boleh berjaya.

Dato' Speaker, ini berkenaan dengan cekik, cekik, apa yang ahli Kawasan Bagan Jermal boleh beritahu, kalau dalam EXCO kita usik-mengusik semacam adik beradik, saya pun pergi ke kerusinya dan kita main cekik-cekik ini....(ketawa). Ini adalah macam antara adik beradik, dan ini kita usik-mengusik, tetapi ada orang yang tidak mempunyai *send off humor*, sekiranya mengatakan cekik, bermakna cekik sehingga mati....(ketawa). Bukan macam yang kita main macam adik-beradik.

Dato' Speaker, siapa menghormati Ketua Menteri di Pulau Pinang, siapa yang menyokong Ketua Menteri Pulau Pinang, siapa menganggap reputasi Pulau Pinang sangat tinggi. Tetapi saya boleh menyatakan kepada semua ada orang yang menggunakan reputasi Pulau Pinang, ada orang menggunakan peruntukan parti dan selepas itu lompat...lompat...lompat. Jangan cakap berkenaan prinsip, jangan bercakap berkenaan "kalau saya masuk dalam bidang politik saya berkhidmat untuk rakyat, bukan hanya

peribadi". Jangan cakap seperti itu, orang yang mempunyai prinsip, orang Yang Berhormat, kita ada satu laluan sahaja, laluan itu yang terus, lurus, jujur, honest dan mempunyai prinsip, mempunyai hormat, kita punya kelakuan apa nilai yang diberi keluarga ke keluarga, bapa ke anak, anak ke cucu, *is handed out* ke-cucu, *is handed adult*, *basic Principe*, *basic* nilai.

Dato' Speaker, apa yang saya buat berkenaan City Bank, jejantas City Bank ialah untuk semua sebab-sebab yang saya telah memberitahu kepada Dewan Yang Mulia ini. Saya tidak tahu adakah orang yang niat jahat, ada orang yang niat tidak betul, ini semuanya boleh didengar dan semua boleh menyaksikan. Sekian terima kasih Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasan.....Dato' Speaker...(gangguan)

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Forget it, tidak beri jalan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Dato' Speaker, penjelasan, saya lompat parti, saya dapat satu penjelasan mesti dapat satu penjelasan.

Tuan Speaker:

Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya mesti dapatkan penjelasan,

Tuan Speaker:

Bagi jalan atau tidak Y.B. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Tidak bagi jalan.

Tuan Speaker:

Tidak bagi jalan Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dahulu dia tidak bagi jalan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Tidak mengapa, saya masih ada peluang.

Tuan Speaker:

Y.B. Telok Bahang.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasaan ini. Dato' Speaker ada beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan ini. Ahli Dewan, Penanti membangkitkan soal laporan kewangan oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang yang telah ditegur oleh Audit. Sebenarnya Dato' Speaker laporan kewangan Majlis Agama Islam Pulau Pinang bagi tahun 1994 hingga 1998 telahpun disediakan dan laporan bagi tahun 1994 hingga 1997 telahpun diwartakan, manakala bagi tahun 1998 telah dihantar kepada Jabatan Audit dan akan diwartakan apabila mendapat sijil daripada jabatan berkenaan. Berkenaan wang zakat, yang tidak dibelanjakan, mengikut rekod Dato' Speaker, kutipan wang zakat harta pendapatan dan juga fitrah, semuanya saya beri contoh Dato' Speaker, bagi 1997 hingga 1999 adalah seperti berikut:-

Zakat harta dan pendapatan 1997 kutipan yang diterima daripada masa itu oleh pusat guru-guru zakat ialah RM8,401,924.

Fitrah Tahun 1997 RM1,315,654.

Zakat harta dan pendapatan 1998 RM9,362,531

Fitrah Tahun 1998 RM1.3 juta

Tahun 1999 turun sedikit, RM7,484,323

Fitrah belum lagi diterima sepenuhnya.

Tiap-tiap tahun diagihkan, tetapi tidak sepenuhnya, tetapi bagi wang yang lebih itu akan diagihkan pada tahun hadapan. Amalan ini telah diteruskan dan Dato' Speaker. Untuk pengetahuan, bagi tahun 1999 ini wang zakat yang diperolehi pada tahun akan diagihkan kepada asnah yang lapan dan saya lihat di sini jumlah penerima yang telah direkodkan ialah 14,368 orang termasuk semua asnah fakir, miskin, amir mualaf, ghorimin, arriqab, ibn-sabil dan fisabilillah kesemuanya jumlah penerima 14,368 orang dan jumlah agihan yang dijangka dibuat ialah RM5,735,596.

Dato' Speaker, berkenaan dengan gejala sosial yang dibangkitkan oleh Ahli Kawasan Penanti, pihak Majlis Agama Islam juga mengadakan 2 bentuk tindakan, satu tindakan pencegahan dan satu lagi tindakan pembetulan. Langkah-langkah pencegahan atau *preventive measures* yang telah diambil oleh pihak Majlis Agama Islam termasuklah satu menyediakan peluang-peluang dan kemudahan untuk pendidikan agama yang berkesan kepada kanak-kanak serta memperluaskan peluang yang sedia ada. Dalam konteks ini kelas-kelas Al-Quran dan Fardu Ain, Kafa diadakan dengan kerjasama dan sokongan daripada Kerajaan Pusat. Seramai 27,629 orang kanak-kanak belajar di kelas-kelas Kafa dan seramai 17, 884 orang lagi belajar di sekolah Agama Rakyat Rendah dan Menengah.

Majlis Agama Islam juga merancang untuk mewujudkan sistem pendidikan Islam yang berkomprensensif bagi faedah semua umat Islam. Program pengimaran masjid merupakan satu lagi program yang bertujuan untuk menarik umat islam ke masjid dan dalam yang sama meninggalkan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah. Selain daripada itu Jabatan Agama Islam melalui pejabat-pejabat Agama Daerah telah mengenakan program-program untuk menangani gejala sosial. Antara program yang telah dijalankan:

- 1) Program Khusus Motevasi dan Kemantapan Keluarga;
- 2) Program Wancana Minda dan Gerak Cergas Belia;
- 3) Program Menangani Gejala Sosial kepada pekerja-pekerja kilang dan
- 4) Program Kefahaman Islam di Kalangan Belia.

Bagi jangka masa panjang, Jabatan Agama Islam sedang merancang untuk melaksanakan projek printis. Program Pusat Perkhidmatan Keluarga Islam (PPKI) dan Pusat Khidmat Sosial (PKS). Konsep program ini telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1998 dan diperincikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam tahun 1999 tahun ini. PPKI ialah satu konsep bina insan bagi membimbing ibu bapa tentang tanggungjawab mereka mengamalkan gaya hidup yang menyumbang kepada pembentukan kepada keluarga yang bahagia, perkhidmatan yang akan diberikan termasuklah khidmat pra-perkahwinan, ibu hamil, kemahiran keibu bapaan, pendidikan kanak-kanak dan bimbingan keluarga bermasalah. PKS pula bertujuan membina sistem keluarga yang mantap dari segi hubungan sosial, perkhidmatan yang diberikan termasuk pembangunan remaja, akidah, saudara baru, kejiranan dan khidmat nasihat awam dan insya-Allah projek printis akan dapat dilaksanakan dalam tahun 2000.

Bagi langkah-langkah pembedahan atau pun *preventive measure*, Jabatan Agama Islam sedang meneruskan dan menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi menangani kejadian jenayah syariah yang juga merupakan sebahagian dari gejala sosial. Jenayah syariah termasuklah perjudian, minum arak, persetubuhan haram, khalwat, berkelakuan tidak sopan di tempat awam dan sebagainya. Aktiviti penguatkuasaan dijalankan dalam dua cara iaitu satu berasaskan aduan daripada orang ramai dan yang kedua melalui operasi yang dirancang termasuklah operasi bersepadu yang melibatkan Jabatan Polis, Imigresen dan Majlis Perbandaran. Mereka yang ditangkap dihadapkan ke Mahkamah dan jika yang terlibat adalah orang di bawah umur mereka dan juga waris mereka akan diberi kaunseling.

Bagi mengingatkan golongan yang berisiko supaya menjauhkan dari jenayah syariah Jabatan Agama Islam ada mengeluarkan risalah yang diedarkan di Jabatan Kerajaan, di masjid dan juga di kilang-kilang. Jabatan Agama Islam telah menyediakan cadangan untuk memperkuat lagi Bahagian Penguatkuasaan pada masa ini Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam hanya mempunyai 17 orang pegawai dan kakitangan. Bilangan ini tidak mencukupi memandangkan aktiviti ini perlu dijalankan diseluruh negeri oleh sebab itu pihak Jabatan Agama Islam mencadangkan supaya diperkuatkan lagi bahagian ini.

Untuk tanah wakaf yang dibangkitkan juga, tanah wakaf yang telah dikenalpasti oleh satu pasukan daripada USM mereka telah ditugaskan untuk menyediakan inventori tanah-tanah wakaf yang dipunyai oleh Majlis. Di sini saya beri jumlah dan juga keluasan tanah yang dipunyai oleh Majlis:-

Seberang Perai Utara	249 lot	keluasan	138 hektar,
Seberang Perai Tengah	208 lot	keluasan	98 hektar,
Seberang Perai Selatan	85 lot	keluasan	48 hektar,
Daerah Timur Laut	123 lot	keluasan	33 hektar
Daerah Barat Daya	132 lot	keluasan	49 hektar
JUMLAH	797 lot	keluasan	365 hektar.

Majoritinya lot-lot ini telahpun diletak hak dibawah Majlis Agama Islam. Mengenai dengan pembangunan hal tanah ataupun tanah-tanah wakaf ini pihak Majlis Agama Islam telahpun menubuhkan bulan Februari Tahun 1999 satu Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan Majlis Agama Islam untuk membangunkan tanah-tanah wakaf Majlis yang sesuai. Bidang tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

- 1) Menggubalkan dasar pengurusan harta Majlis;
- 2) Menimbangkan permohonan menjual atau membeli balik bahagian Baitul Mal, yang
- 3) Menyelenggara inventori harta dan tanah-tanah wakaf dan Baitul Mal;
- 4) Merancang pungutan hasil dari sumber am, sumber wakaf, Baitul Mal dan saham wakaf;
- 5) Mengkaji potensi pembangunan tanah Majlis dan mengesyorkan cadangan memajukannya untuk pertimbangan Majlis dan
- 6) Membuat kajian dan memperakukan kepada Majlis pelaburan yang sesuai dijalankan.

Dato' Speaker, mengenai dengan premis-premis wakaf di bawah Akta Kawalan Sewa ada terdapat 163 premis wakaf ini di Georgetown dan sebahagian kecil daripadanya telahpun disewa oleh masyarakat bukan Islam dan sekarang ini oleh kerana Akta Kawalan Sewa ini akan dimansuhkan pada hujung tahun ini maka pihak Majlis telahpun mengeluarkan notis kepada semua penyewa-penyewa, premis-premis Akta Kawalan Sewa ini mengenai dengan hasrat Majlis untuk menyemak semula sewa. Memanglah saya bersetuju bahawa kutipan yang telah dibuat daripada premis-premis ini memang rendah ada yang RM1 seperti yang saya sebut RM1 ada, RM40 ada, RM30 ada sebulan tapi selepas Akta Kawalan Sewa ini dimansuhkan maka pihak Majlis berhaklah untuk meningkat, menyemak semula sewa ini pada tahap yang lebih sesuai dan dengan cara itu saya kira Majlis akan mendapatkan hasil yang lebih banyak daripada premis-premis yang berkenaan.

Dato' Speaker, ADUN daripada Sungai Dua telah membangkitkan berkenaan dengan JKK beliau menyenaraikan supaya elaun JKK dinaikkan sebagai jawapannya saya ingin menjelaskan sedikit secara detail berkenaan elaun-elaun yang telah diperolehi JKK setakat ini. Setakat ini Kerajaan Negeri telah memberi beberapa kemudahan dan saguhati kepada JKK sebagai menghargai sumbangan dan khidmat mereka kepada masyarakat setempat. Elaun dan saguhati yang disediakan adalah seperti berikut:-

- 1) Saguhati tahunan Pengerusi JKK kategori A ialah mereka yang berkhidmat lebih daripada 15 tahun bayaran sekarang ialah RM675 setahun.
- 2) Saguhati untuk Pengerusi JKK untuk kategori B iaitu yang berkhidmat lebih daripada 10 tahun tetapi kurang daripada 15 tahun elaunnya ialah RM565 setahun.
- 3) Saguhati untuk Pengerusi JKK untuk kategori C iaitu yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun ialah RM450.00.
- 4) Ganjaran kepada pengerusi yang menamatkan perkhidmatan atau berhenti sendiri selepas berkhidmat selama 5 tahun tidak putus-putus ialah RM400.00 setahun,
- 5) Elaun kerana menghadiri mesyuarat yang dipanggil oleh Pejabat Daerah tidak termasuk elaun perjalanan ialah RM10.00
- 6) Elaun pada tiap-tiap ahli JKK selain daripada pengerusi dan Setiausaha kerana menghadiri mesyuarat bulanan ialah RM15.00.
- 7) Elaun tahunan kepada Setiausaha RM415.00.
- 8) Elaun pengendalian mesyuarat bulanan RM20.00.

Kerajaan sentiasa peka di atas rungutan JKK oleh itu kadar elaun saguhati ini akan dikaji daripada masa ke semasa dan sekiranya didapati perlu Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menaikan elaun ini selaras dengan keperluan semasa. Kemudahan-kemudahan lain yang diperolehi oleh JKK, kad ahli JKK dikeluarkan, rawatan hospital kelas 2 diberi dan buku harian rasmi Kerajaan Negeri untuk Pengerusi dan Setiausaha diberi tiap-tiap tahun. Sekian Dato' Speaker. Saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Y.B. dewan ditangguhkan sehingga ke jam 11.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.30 pagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula dengan perbahasan. Dijemput YAB Ketua Menteri.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Rakan-rakan saya dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menjawab banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli YB dan yang lain yang belum dapat disentuh atau dijawab dengan secara menyeluruh atau lengkap akan diambil perhatian dan tindakan-tindakan sesuai akan diambil untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan atau kecacatan-kecacatan, kekurangan sekiranya ada. Ini merupakan prinsip dan semangat Barisan Nasional sentiasa mempertingkatkan lagi prestasi perkhidmatan Kerajaan dan lebih penting lagi sentiasa mendapat maklum balas membuat analisa, strategi dan dasar-dasar yang sesuai untuk terus menjana pembangunan di Negeri Pulau Pinang. Saya ingat angka-angka dan juga persepsi rakyat adalah jelas mengenai *trap record* dengan izinnya Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional selama 25 tahun kebelakangan ini di bawah bekas Ketua Menteri sehingga Tahun 1990 dan sejak Tahun 1990 di bawah saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya dalam Barisan Nasional.

Oleh itu saya tidak berhasrat untuk berpanjang lebar kecuali menyatakan bahawa memang menjadi komitmen keazaman Kerajaan Narisan Nasional untuk terus memajukan negeri ini dan untuk terus memastikan bahawa kualiti hidup rakyat yang memang terjejas oleh berbagai cabaran dan masalah yang timbul akibat daripada pembangunan dan juga akibat dari perubahan cuaca dan keadaan semula jadi akan terus dapat ditangani supaya kita akan masuk ke dalam alaf baru dengan penuh keyakinan dan juga dengan penuh keazaman supaya kita dapat bersama-sama terus meletakkan Negeri Pulau Pinang sebagai di antara yang terbaik bukan saja di Malaysia tetapi di rantau bahkan di dunia ini. Oleh itu saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua Ahli dan saya ingin menjamin bahawa segala-segala yang dibangkitkan yang berasas dan membina serta munasabah tetap akan diambil perhatian, tidak kira sama ada dari pembangkang ataupun *backbencher* dan inilah sikap yang terbuka dan positif Kerajaan Negeri Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat perbahasan telahpun selesai.

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya."

Tuan Speaker:

"Ya", sebulat suara.

Setiausaha:

"Rang Undang-undang bernama 'Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi Tahun 2000 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu'."

Tuan Speaker:

“Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang ini sekarang akan ditimbangkan di dalam Jawatankuasa Perbekalan.”

Setiausaha:

“Jadual.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.1 – Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan – RM53,577,340.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM53,577,340 untuk Kepala B.1 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.2 – Pejabat Tanah dan Galian – RM2,508,320.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM2,508,320 untuk Kepala B.2 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.3 – Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut – RM1,562,160.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM1,562,160 untuk Kepala B.3 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.4 – Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya – RM1,887,130.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM1,887,130 untuk Kepala B.4 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.5 – Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara – RM2,230,140.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM2,230,140 untuk Kepala B.5 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.6 – Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah – RM2,048,920.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM2,048,920 untuk Kepala B.6 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.7 – Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan – RM1,868,220.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM1,868,220 untuk Kepala B.7 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.8 – Jabatan Pengairan dan Saliran – RM11,745,080.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM11,745,080 untuk Kepala B.8 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.9 – Jabatan Perhutanan – RM1,271,530.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM1,271,530 untuk Kepala B.9 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual.”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.10 – Jabatan Kebun Bunga – RM1,347,630.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM1,347,630 untuk Kepala B.10 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.11 – Jabatan Kedai Tuank – RM923,050.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM923,050 untuk Kepala B.11 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.12 – Jabatan Kerja Raya – RM16,041,270.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM16,041,270 untuk Kepala B.12 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.13 – Jabatan Hal Ehwal Agama – RM3,410,130.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM3,410,130 untuk Kepala B.13 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.14 – Jabatan Kebajikan Masyarakat – RM2,660,700.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM2,660,700 untuk Kepala B.14 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.15 – Jabatan Perancang Bandar dan Desa – RM1,096,730.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM1,096,730 untuk Kepala B.15 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.16 – Jabatan Kewangan Negeri – RM125,909,390.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM125,909,390 untuk Kepala B.16 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.17 – Jabatan Perkhidmatan Haiwan – RM1,794,860.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM1,794,860 untuk Kepala B.17 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.18 – Jabatan Pertanian – RM3,754,340.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM3,754,340 untuk Kepala B.18 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.19 – Pejabat Mufti Kerajaan Negeri – RM394,180.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM394,180 untuk Kepala B.19 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.20 – Mahkamah Syariah – RM1,262,420.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM1,262,420 untuk Kepala B.20 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Kepala B.21 – Jabatan Bekalan Air – RM327,850.”

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM327,850 untuk Kepala B.21 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Setiausaha:

“Fasal 1.”

Tuan Speaker:

“Fasal 1 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Setiausaha:

“Fasal 2.”

Tuan Speaker:

“Fasal 2 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Setiausaha:

“Rang Undang-undang bernama ‘Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi Tahun 2000 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu’.”

Tuan Speaker:

“Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Dewan bersidang semula.”

Ketua Menteri:

Dato’ Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2000, telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Tuan Speaker:

“Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya,” yang tidak bersetuju katakan “Tidak’.”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Ya.” sebulat suara.

Setiausaha:

“Enakmen Perbekalan 2000. Maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.”

Tuan Speaker:

“Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.”

Setiausaha:

“Usul Anggaran Pembangunan 2000 daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.”

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini meluluskan Perbelanjaan sebanyak RM179,579,030 yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2000, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 6 Tahun 1999 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2000’.”

Usul Anggaran Pembangunan 2000 ini adalah bertujuan untuk memohon kuasa Dewan Undangan Negeri meluluskan jumlah disebutkan untuk perbelanjaan pembangunan Tahun 2000 sebagai mengikut Seksyen 4 (i) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996 seperti yang dipakai pada Negeri Pulau Pinang mengikut Seksyen 9 Akta yang sama.

Anggaran Pembangunan Tahun 2000 ini adalah untuk butir-butir seperti berikut:-

P.01	- Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	- RM111,461,000
P.02	- Jabatan Pertanian	- RM 1,639,970
P.03	- Jabatan Pengairan Dan Saliran	- RM10,000,000
P.07	- Jabatan Kerja Raya	- RM35,075,130
P.09	- Jabatan Veterinar	- RM 1,097,300
P.14	- Jabatan Perhutanan	RM 800,000
P.15	- Jabatan Hal Ehwal Agama	- RM 5,005,630
P.16	Jabatan Kebun Bunga	- RM 700,000
P.17	- Jabatan Kewangan Negeri	- RM13,800,000

Butir-butir bagi setiap agensi adalah seperti terkandung di dalam Risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 6 Tahun 1999.

Dato' Speaker, sebagai rumusan peruntukan pembangunan Tahun 2000 secara keseluruhan berkurangan sebanyak RM18.2 juta atau 92.2% berbanding dengan Tahun 1999 ini. Kekurangan ini adalah kerana skim pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek bekalan air mengikut jadual untuk Tahun 2000 adalah berjumlah RM62.8 juta berbanding dengan anggaran Tahun 1999 yang berjumlah dengan RM80.5 juta iaitu berkurangan sebanyak RM18.3 juta atau 22%.

Peruntukan pembiayaan projek secara langsung bagi Tahun 2000 sebenarnya berjumlah RM116.8 juta berbanding dengan Tahun 1999 berkurangan RM400,000 atau 0.4% sahaja. Kekurangan yang begitu kecil ini dijangka tidak akan menjejaskan perancangan dan perlaksanaan projek-projek untuk mempertingkatkan pembangunan infrastruktur bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat serta menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

Dato' Speaker, memandangkan bahawa saya telah menghuraikan dengan lanjut, teras belanjawan pembangunan tahun ini bersama dengan cadangan projek-projek utama yang terkandung dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2000 semasa saya membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2000/Tahun 1999 dalam Dewan Yang Mulia ini pada 22 Disember, 1999 yang lepas dan juga telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat maka saya tidak berhasrat untuk membuat huraian terperinci lagi mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada strategi pengagihan peruntukan serta fokus Kerajaan Negeri kepada projek-projek utama yang relevan dengan tuntutan serta cabaran semasa.

Pertambahan yang banyak telah diberi kepada projek-projek pembinaan dan peningkatan jalan raya negeri di bawah:-

P.07	-	Jabatan Kerja Raya		berjumlah RM27.6 juta
P.03	-	Jabatan Pengairan Dan Saliran	Projek Tebatan Banjir Peyelenggaraan Parit dan Sungai	berjumlah RM10 juta
P.01	-	Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	Kemudahan Sukan	berjumlah RM6.8 juta

Untuk tujuan pembangunan infrastruktur, kemudahan asas dan sosial, peruntukan sebanyak RM24.8 juta disediakan di bawah P.01 – Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, khusus untuk pengambilan tanah. Jabatan dan pelaksanaan adalah disarankan supaya menyediakan jadual pelaksanaan yang komprehensif untuk memastikan ke semua projek-projek yang diluluskan dalam belanjawan pembangunan Tahun 2000 dapat dilaksanakan untuk memenuhi hasrat Kerajaan dan harapan rakyat. Kerajaan juga pada tahun ini telah menubuhkan satu pasukan pemantauan perlaksanaan projek yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan yang bermesyuarat setiap minggu untuk memantau prestasi perlaksanaan dan membuat laporan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan dari masa ke semasa. Ini adalah selain daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Majlis Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh saya yang berfungsi untuk menyelaras perlaksanaan projek-projek pembangunan.

Adalah diharapkan, projek-projek yang dirancang ini juga dapat membantu mencergaskan lagi sektor pembinaan dan sekali gus menghidupkan sektor-sektor lain yang berkaitan serta mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negeri. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Dewan ditangguhkan untuk cuti hujung minggu, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal/Hari Krismas pada rakan-rakan kita yang beragama Kristian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga hari Isnin 27 Disember, 1999, jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.55 pagi.
